



# NEWSLETTER

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Bil 1/2021  
Jan - Mei



## **Roadshow dan Sesi Latihan Penggunaan Sistem ORKED RMC**

JANUARI 2021: Roadshow telah diadakan di atas talian melalui aplikasi Google Meet / Zoom Meeting secara berperingkat bermula dengan FKMP, FSKTM, PPB, PPUK, FKEE, FPTV, FTK, FAST dan FPTP. Roadshow tersebut telah dipengerusikan oleh PM Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Timbalan Pengarah (Strategi dan Pembangunan) RMC. Turut serta ialah pegawai-pegawai RMC bersama-sama dengan semua penyelidik dari fakulti-fakulti yang berkenaan. Tujuan roadshow ini diadakan adalah untuk memberi perenggan secara terperinci mengenai fungsi dan cara menggunakan sistem ORKED kepada semua penyelidik.



### **Mesyuarat Berkaitan Aktiviti Permohonan Yuran Penerbitan Melalui Dana Penyelidikan UTHM**

Pada 13 Januari 2021 telah diadakan mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Mohd Amri Lajis, Pengarah RMC secara atas talian melalui Google Meet. Turut serta ialah wakil-wakil pegawai dari Pejabat Penerbit serta pegawai dan staf RMC dari Unit Pengurusan Data dan Sistem. Mesyuarat diadakan bertujuan membentangkan proses kerja permohonan yuran penerbitan secara terperinci kepada Pejabat Penerbit memandangkan proses kerja tersebut akan diambil alih oleh pejabat tersebut.

### **Sesi Post Mortem Permohonan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) 2020**

Pada 25 Januari 2021 melalui Google Meet telah diadakan Sesi Post Mortem Permohonan Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) 2020 yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama-sama dengan pemohon KKP bagi tahun 2020. Turut serta membuat perkongsian ialah PM Dr. Nor Aziati Binti Abdul Hamid (ICOE-REL) dan PM Ir. Dr. Soon Chin Phong (MiNT-SRC) selaku penerima induk KKP bagi tahun 2021. Sesi post mortem dibuat bertujuan berkongsi maklumat permohonan KKP dan tambahbaik permohonan akan datang.

### **Mesyuarat Pengurusan RMC Bil. 01/2021**

Pada 25 Januari 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengurusan Penyelidikan telah diadakan mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Pengarah RMC, Prof. Dr. Mohd Amri Lajis dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Pengarah serta pegawai-pegawai RMC. Mesyuarat bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan aktiviti penyelidikan di peringkat RMC.

# Pembentangan Permohonan Geran Kontrak Baharu

Pada 16 Februari 2021 telah diadakan sesi pembentangan melalui aplikasi Google Meet yang telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Mohd Amri Lajis, Pengarah RMC dan disertai oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan) serta staf dan pegawai dari Unit Geran Universiti dan Antarabangsa. Seorang (1) penyelidik telah membuat pembentangan proposal. Sesi pembentangan bertujuan menilai dan mempertimbangkan permohonan geran kontrak pemohon di peringkat RMC.



## Bengkel Unit Pemantauan RMC

Pada 17 Februari 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengurusan Penyelidikan telah berlangsungnya bengkel yang telah dipengerusikan oleh Pn. Saliza Samad, Ketua Unit Pemantauan RMC dan disertai semua staf dari unit yang sama. Bengkel diadakan bertujuan merangka dan merancang aktiviti kerja Unit Pemantauan bagi tahun 2021.

LAMPIRAN 1				
PERMOHONAN 2020 – UNIT PEMANTAUAN GERAN				
No.	Kata Kunci & Antarabangsa	Catatan pentadbiran	Sisa kermaisme & kelayakan	Catatan pemantauan
1.	NP pengurusan penyelidikan dengan sifat geran baharu	<ul style="list-style-type: none"><li>+ TDPF buat projek akademik dan penelitian</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>+ NP yang dilulus dengan sifat geran baharu</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li><li>+ Projek akademik dan penelitian yang bersifat geran</li></ul>	Maka projek TDPF adalah projek akademik dan penelitian yang bersifat geran.
2.		NP yang dilulus dengan sifat geran baharu	NP yang dilulus dengan sifat geran baharu	Maka projek TDPF adalah projek akademik dan penelitian yang bersifat geran.
3.	Permohonan projek geran dilulus dengan sifat geran baharu	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Permohonan projek geran dilulus dengan sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li><li>+ Catatan mengenai saran sifat geran baharu</li></ul>
4.	Skemanya belum terlaksana	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li><li>+ Skemanya belum terlaksana</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>+ Saya mengalih alihkan projek geran ke MyRA</li><li>+ Saya mengalih alihkan projek geran ke MyRA</li><li>+ Saya mengalih alihkan projek geran ke MyRA</li><li>+ Saya mengalih alihkan projek geran ke MyRA</li></ul>
5.	Tidak mengiktirip bukti dalam permohonan	meter serbachuk sistem	Tidak mengiktirip bukti dalam permohonan	meter serbachuk sistem
6.	Injakan projek geran yang berjaya	Hasil (2021) sejaknya projek geran ini dimulakan	Injakan projek geran yang berjaya	Hasil (2021) sejaknya projek geran ini dimulakan

## Sesi Penerangan Audit MyRA di Fakulti

Pada 23 Februari 2021 telah diadakan sesi penerangan secara talian melalui Google Meet yang telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama-sama Sekretariat MyRA RMC. Semua Dekan-Dekan fakulti terlibat dengan sesi penerangan tersebut. Sesi penerangan dibuat bertujuan memberi penjelasan dengan lebih terperinci berkaitan pelaksanaan Audit MyRA di fakulti.




## Sesi Lawatan ke Pejabat Baharu RMC di Bangunan Penyelidikan

Pada 09 Mac 2021 telah dijalankan sesi lawatan ke bangunan penyelidikan yang baharu yang telah diketuai oleh Prof Dr Mohd Amri Lajis, Pengarah RMC dan disertai semua Timbalan Pengarah dan Pegawai RMC. Sesi lawatan diadakan bertujuan untuk melihat dan mengesahkan penempatan staf di ruang pejabat yang baharu bersama pihak PPP.



## Bengkel Semakan Kejituhan dan Piawaian Data Mengikut Keperluan MyRA®2020

Pada 17 Mac 2021 bertempat di Research Lounge Pusat Pengurusan Penyelidikan, dua (2) orang fasilitator dari UTM telah dilantik, iaitu Cik Zuridah Saadan dan En Chew Teong Han bagi menyempurnakan bengkel semakan data MyRA UTHM. Auditee dari PTJ yang terlibat dengan data MyRA juga turut hadir bagi mengesahkan data masing-masing. Bengkel diadakan bertujuan membuat semakan data sebelum Audit Dalam MyRA dilaksanakan pada 06 April 2021.



## Audit Dalam MyRA@2020

Pada 06 April 2021 bertempat di Research Lounge Pusat Pengurusan Penyelidikan telah berlangsung Audit Dalam MyRA@2020 yang telah dilaksanakan oleh auditor-auditor yang dilantik oleh Universiti. Semua auditee dari PTJ yang terlibat telah hadir dan memberikan kerjasama kepada auditor. Pihak sekretariat dan auditor juga telah membuat pembentangan hasil audit tersebut kepada YBhg. Naib Canselor pada penutup program.

## Mesyuarat Pengurusan RMC Bil. 02/2021

Pada 11 April 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengurusan Penyelidikan telah diadakan mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Pengarah RMC, Prof. Dr. Mohd Amri Lajis dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Pengarah serta pegawai-pegawai RMC. Mesyuarat bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan aktiviti penyelidikan di peringkat RMC.

## Mesyuarat JK Aset Alih RMC Bil. 01/2021

Pada 14 April 2021 telah diadakan mesyuarat melalui aplikasi Google Meet yang telah dipengerusikan oleh PM Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Timbalan Pengarah (Strategi dan Pembangunan) dan dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa di peringkat RMC yang telah dilantik. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk mengesahkan dan memperakukan cadangan aset-aset yang akan dilupuskan.

## **Mesyuarat JK Teknikal Sebutharga Bil. 01/2021**

Pada 14 April 2021 telah diadakan mesyuarat melalui aplikasi Google Meet yang telah dipengerusikan oleh PM Ir Ts Dr Shahiron Shahidan, Timbalan Pengarah (Strategi dan Pembangunan) dan dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa di peringkat RMC yang telah dilantik. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk mengesahkan dan memperakarkan cadangan teknikal sebutharga yang dibentangkan oleh pemohon.

## **Perbincangan Bersama Parrot Pos Sdn Bhd Berkaitan Projek Penyelidikan *Development Of Parrot Pos Mobile Application As A Tool To Connect Donor And Donee***

Pada 20 April 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengurusan Penyelidikan telah dilaksanakan sesi perbincangan yang telah dipengerusikan Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan), Prof. Madya Dr. Mohd Khairul Ahmad. Turut hadir ialah Ketua Penyelidik projek, wakil pegawai dari Pejabat Undang-Undang dan Pejabat Canselor. Sesi perbincangan diadakan bertujuan mendapatkan pengesahan bagi membangunkan aplikasi tersebut.



## **Lawatan Tapak Geran Penyelidikan Bil. 01/2021**

Pada 26 April 2021 telah dijalankan sesi lawatan di Makmal HP Aruba, Aras 2, FSKTM yang telah diketuai oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan), Prof. Madya Dr. Mohd Khairul Ahmad dan disertai oleh pegawai dari Unit Pemantauan BPG RMC. Lawatan diadakan bertujuan melihat perkembangan terkini projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik yang terlibat.



## Sesi Pemantauan Prestasi Staf Pasca Kedoktoran

Pada 03 Mei 2021 telah diadakan sesi pemantauan melalui aplikasi Google Meet yang telah dipengerusikan Prof. Dr. Mohd Amri Lajis, Pengarah RMC bersama-sama pegawai dari BPK RMC. Seorang staf Pasca Kedoktoran telah membuat pembentangan. Pembentangan bertujuan mendapatkan status terkini pencapaian KPI penerbitan staf Pasca Kedoktoran yang telah dilantik.



## Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Peringkat RMC 2021

Pada 09 Mei 2021 bertempat di Research Lounge Pusat Pengurusan Penyelidikan telah diadakan majlis tadarus dan khatam Al-Quran yang telah dipimpin oleh YBhg. Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairul Ahmad, Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan) RMC. Semua staf RMC telah hadir untuk memeriahkan dan menyempurnakan majlis tersebut. Majlis diadakan sebagai penutup untuk aktiviti bertaradurus di peringkat RMC sempena bulan Ramadhan 1442H.



## Selamat Hari Raya Aidilfitri 1442H Ikhlas dari RMC

Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) turut telah mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1442H, Maaf Zahir dan Batin.